

15/01/2003

Negeri diingat belanja ikut kemampuan

PUTRAJAYA: Semua kerajaan negeri semalam diingatkan supaya lebih berhati-hati dalam perbelanjaan mengikut kemampuan dan selaras dengan bajet masing-masing.

Mereka juga dinasihatkan supaya menumpukan kepada projek pembangunan yang boleh membawa pulangan.

Perkara itu ialah antara yang dibincangkan pada Mesyuarat ke-89 Menteri

Besar dan Ketua Menteri di pejabat Perdana Menteri di sini.

Kenyataan akhbar pejabat Perdana Menteri menyebut mesyuarat lebih dua jam yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membincangkan mengenai kejayaan dasar kerajaan menangani kemerosotan ekonomi dunia.

"Kehidupan rakyat Malaysia tidak sedikitpun terjejas walaupun suasana ekonomi antarabangsa semakin lembap.

"Taraf hidup rakyat di negara ini juga jelas semakin tinggi walaupun kos

taraf hidup di Malaysia adalah rendah," menurut kenyataan itu lagi.

Mesyuarat itu dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Kelantan dan Terengganu. Ia turut disertai beberapa menteri kabinet.